

KUPASAN MUTU JAWAPAN

MATEMATIK TAMBAHAN 2
3472/2

SPM 2017

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	3472/2
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	100 markah
Masa	:	2 jam 30 minit

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas ini mengandungi tiga bahagian.

- Bahagian A** : 6 soalan (Jawab semua soalan). Markah bahagian ini ialah 40 markah.
Bahagian B : 5 soalan (Pilih empat soalan). Markah bagi setiap soalan ialah 10. Jumlah markah maksimum ialah 40 markah.
Bahagian C : 4 soalan (Pilih dua soalan). Markah bagi setiap soalan ialah 10 markah dan jumlah skor maksimum ialah 20 markah.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1

Solve the following simultaneous equations:

Selesaikan persamaan serentak berikut:

$$x - 3y = 1, \quad x^2 + 3xy + 9y^2 = 7$$

Soalan ini daripada tajuk Persamaan Serentak yang menguji kemahiran menyelesaikan persamaan serentak dalam dua anu, $x - 3y = 1$ dan $x^2 + 3xy + 9y^2 = 7$. Calon perlu menghapuskan salah satu anu x atau y menggunakan **kaedah penggantian** dan seterusnya **menyelesaikan persamaan kuadratik** yang diperolehi dengan menggunakan kaedah pemfaktoran atau rumus kuadratik atau penyempurnaan kuasa dua.

Contoh Jawapan Cemerlang 1

$$\begin{aligned} x - 3y &= 1 \quad \text{--- (1)} & x^2 + 3xy + 9y^2 &= 7 \quad \text{--- (2)} \\ x &= 1 + 3y \quad \text{--- (3)} \end{aligned}$$
$$\begin{aligned} (1 + 3y)^2 + 3(1 + 3y)y + 9y^2 &= 7 \\ 1 + 6y + 9y^2 + 3y + 9y^2 + 9y^2 &= 7 \\ 1 + 9y + 27y^2 - 7 &= 0 \\ 27y^2 + 9y - 6 &= 0 \\ 9y^2 + 3y - 2 &= 0 \\ (3y - 1)(3y + 2) &= 0 \\ y &= \frac{1}{3}, -\frac{2}{3} \end{aligned}$$
$$\begin{aligned} \text{apabila } y &= \frac{1}{3} & \text{apabila } y &= -\frac{2}{3} \\ x &= 1 + 3\left(\frac{1}{3}\right) & x &= 1 + 3\left(-\frac{2}{3}\right) \\ &= 2 & &= -1 \end{aligned}$$

Contoh Jawapan Cemerlang 2

$$\begin{aligned}
 x - 3y &= 1 \quad \text{--- ①} \\
 x^2 + 3xy + 9y^2 &= 7 \quad \text{--- ②} \\
 x &= 1 + 3y \quad \text{--- ③} \\
 \text{③} \rightarrow \text{②} \\
 (1 + 3y)^2 + 3(1 + 3y)y + 9y^2 &= 7 \\
 (1 + 3y)(1 + 3y) + 3y(1 + 3y) + 9y^2 &= 7 \\
 1 + 3y + 3y + 9y^2 + 3y + 9y^2 + 9y^2 &= 7 \\
 27y^2 + 9y + 1 - 7 &= 0 \\
 27y^2 + 9y - 6 &= 0 \\
 a &= 27 \\
 b &= 9 \\
 c &= -6 \\
 \frac{-(-b) \pm \sqrt{b^2 - 4ac}}{2a} \\
 &= \frac{-(-9) \pm \sqrt{9^2 - 4(27)(-6)}}{2(27)} \\
 y &= \frac{1}{3} \qquad y = -\frac{2}{3} \\
 x = 1 + 3\left(\frac{1}{3}\right) \qquad x = 1 + 3\left(-\frac{2}{3}\right) \\
 x &= 2 \qquad x = -1 \\
 \therefore x = 2, y = \frac{1}{3} \\
 x &= -1, y = -\frac{2}{3}
 \end{aligned}$$

Calon boleh **mengungkap** $x - 3y = 1$ sebagai $x = 1 + 3y$ atau $y = \frac{x-1}{3}$ dengan betul.

Calon juga dapat menghapuskan salah satu pembolehubah dengan membuat **penggantian** ke dalam persamaan tak linear, $x^2 + 3xy + 9y^2 = 7$. Seterusnya, calon mampu **menyelesaikan persamaan kuadratik** yang diperolehi dengan menggunakan kaedah pemfaktoran (Contoh Jawapan Cemerlang 1) atau rumus kuadratik (Contoh Jawapan Cemerlang 2) untuk mendapat jawapan yang tepat.

Contoh Jawapan Sederhana 1

1.	$x - 3y = 1$	$x^2 + 3xy + 9y^2 = 7$ — (2)
	$x = 1 + 3y$ — (1)	
	Sub (1) into (2)	
	$(1 + 3y)^2 + 3(1 + 3y)y + 9y^2 = 7$	
	$9y^2 + 6y + 1 + 3(y + 3y^2) + 9y^2 - 7 = 0$	
	$9y^2 + 6y + 1 + 3y + 9y^2 + 9y^2 - 7 = 0$	
	$27y^2 + 9y - 6 = 0$	
	$(3y - 1)(3y + 2) = 0$	
	$y = \frac{1}{3}, y = -\frac{2}{3}$	
	When $y = \frac{1}{3}$,	When $y = -\frac{2}{3}$
	$x = 1 + 3\left(\frac{1}{3}\right)$	$x = 1 + 3\left(-\frac{2}{3}\right)$
	$x = 2$	$x = -1$
	Ans: $y = \frac{1}{3}, x = 2$	
	or	
	$y = -\frac{2}{3}, x = -1$	

Calon tidak meringkaskan persamaan kuadratik sebelum mereka melakukan pemfaktoran.

Contoh Jawapan Sederhana 2

$x - 3y = 1$	— (1)
$x^2 + 3yx + 9y^2 = 7$	— (2)
$x = 1 + 3y$ — (3)	
(3) — (2)	
$(1 + 3y)^2 + 3y(1 + 3y) + 9y^2 = 7$	
$9y^2 + 6y + 1 + 3y + 9y^2 + 9y^2 = 7$	
$27y^2 + 9y - 6 = 0$	
$(3x - 1)(3x + 2) = 0$	
$x = \frac{1}{3}, x = -\frac{2}{3}$	

Calon membuat kesilapan dalam penggunaan pembolehubah x dan y di mana persamaan kuadratnya dalam sebutan y tetapi pemfaktornya dalam sebutan x.

Soalan 2

It is given that the equation of a curve is $y = \frac{5}{x^2}$.

Diberi bahawa persamaan suatu lengkung ialah $y = \frac{5}{x^2}$.

(a) Find the value of $\frac{dy}{dx}$ when $x = 3$.

Cari nilai $\frac{dy}{dx}$ apabila $x = 3$.

Soalan ini merupakan soalan tajuk Pembezaan yang menguji konsep **Tokokan Kecil dan Penghampiran**. Bagi 2(a), calon dikehendaki mencari nilai $\frac{dy}{dx}$ bagi $y = \frac{5}{x^2}$ apabila $x = 3$. Seterusnya, bagi 2(b), calon dikehendaki menentukan nilai penghampiran bagi $\frac{5}{(2.98)^2}$ dengan menggunakan **kaedah pembezaan**, iaitu,

$$y_{\text{baharu}} = y_{\text{asal}} + \frac{dy}{dx} \cdot \delta x.$$

Contoh Jawapan Cemerlang

②	a)	$y = \frac{5}{x^2}$	
		$y = 5x^{-2}$	$= -\frac{10}{(3)^3}$
		$\frac{dy}{dx} = -10x^{-3}$	$= -\frac{10}{27}$
		$= -\frac{10}{27}$	
	b)	$\frac{\delta y}{\delta x} = \frac{dy}{dx}$	$\delta x = 2.98 - 3$
		$= -0.02$	$\frac{dy}{dx} = 5x^{-2}$
			$= -10x^{-3}$
		$\delta y = \frac{dy}{dx} \times \delta x$	$= -\frac{10}{27}$
		$= -\frac{10}{(3)^3} \times -0.02$	$y_{\text{baru}} = y_{\text{lama}} + \delta y$
		$= \frac{5}{(3)^2} + 0.0074$	$= \frac{5}{(3)^2} + 0.0074$
		$= 0.0074$	$= 0.563..$

Bagi 2(a), kebanyakan calon menunjukkan pemahaman yang baik dalam **pembezaan** bagi $y = \frac{5}{x^2}$ dan kemudian menggantikan $x = 3$ ke dalam $\frac{dy}{dx}$. Bagi 2(b), calon dapat mencari **nilai penghampiran** dengan tepat menggunakan hubungan $\frac{5}{(2.98)^2} = \frac{5}{3^2} + \left(-\frac{10}{27}\right)(-0.02)$.

Contoh Jawapan Sederhana 1

2.	(a)	$y = \frac{5}{x^2}$	
		$y = 5x^{-2}$	
		$\frac{dy}{dx} = -10x^{-3}$	
		$= -\frac{10}{x^3}$	
		when $x = 3$,	
		$\frac{dy}{dx} = -\frac{10}{27}$	

Bagi 2(a), calon **tidak dapat membuat pembezaan** dengan betul. Kuasa x bertambah dengan 1 yang sepatutnya berkurang dengan 1.

Contoh Jawapan Sederhana 2

$$\begin{aligned} 2a) \quad y &= \frac{5}{x^2} \\ y &= 5x^{-2} \\ \frac{dy}{dx} &= \cancel{2(x)^{-3}} \quad 5(-2)(x)^{-3} + (x)^{-2} \\ &= -10x^{-3} + x^{-2} \\ & \# \\ \text{When } x &= 3, \quad \frac{dy}{dx} = -10(3)^{-3} + (3)^{-2} \\ &= -\frac{10}{27} + \frac{1}{9} \\ &= -\frac{7}{27} \end{aligned}$$

Kesilapan berlaku apabila calon menggunakan “**petua hasil darab**” untuk pembezaan, maka satu sebutan tambahan diperolehi.

Contoh Jawapan Sederhana 3

$$\begin{aligned} b) \quad y &= \frac{5}{x^2} \\ x &= 2.98, \quad y = \frac{5}{(2.98)^2} \\ &= \frac{5}{8.8804} \\ &= 0.5630 \end{aligned}$$

Bagi 2(b), calon tidak sedar mereka perlu menggunakan **kaedah pembezaan** yang diperolehi daripada bahagian (a) untuk menjawab bahagian soalan ini seperti arahan perkataan ‘**Seterusnya**’ dalam soalan. Calon menggunakan kalkulator untuk

mendapatkan nilai $\frac{5}{(2.98)^2}$. Sepatutnya calon perlu menggunakan **kaedah**

pembezaan untuk mencari nilai hampir bagi $\frac{5}{(2.98)^2}$.

Soalan 3 (a)

Diagram 1 shows a circle and a sector of a circle with a common centre O . The radius of the circle is r cm.

Rajah 1 menunjukkan bulatan dan sektor sebuah bulatan dengan pusat sepunya O . Jejari bulatan ialah r cm.




Diagram 1
Rajah 1

It is given that the length of arc AB and arc CD are 2 cm and 7 cm respectively. $BC = 10$ cm.

Diberi bahawa panjang lengkok AB dan lengkok CD masing-masing ialah 2 cm dan 7 cm. $BC = 10$ cm.

[Use / Guna $\pi = 3.142$]

Find

Cari

- (a) the value of r and of θ ,
nilai r dan nilai θ ,

Soalan ini daripada tajuk Sukatan Membulat. Dalam bahagian (a), calon dikehendaki **membentuk dua persamaan** menggunakan rumus panjang lengkok berdasarkan maklumat diberi iaitu panjang lengkok AB ialah 2 cm dan panjang lengkok CD ialah 7 cm. Seterusnya calon perlu **menyelesaikan** kedua-dua persamaan untuk mencari nilai r dan θ .

Contoh Jawapan Cemerlang

$$\begin{array}{l}
 \underline{3(a) \text{ Arc } CD = 7} \\
 \underline{(10+r)\theta = 7} \\
 \underline{10\theta + r\theta = 7} \\
 \underline{10\theta + 2 = 7} \\
 \underline{10\theta = 5} \\
 \underline{\theta = \frac{1}{2}}
 \end{array}
 \qquad
 \begin{array}{l}
 \underline{\text{Arc } AB = 2} \\
 \underline{r\theta = 2} \\
 \underline{r\left(\frac{1}{2}\right) = 2} \\
 \underline{r = 4}
 \end{array}$$

Calon dapat **membentuk dua persamaan** menggunakan rumus panjang lengkok berdasarkan maklumat diberi iaitu panjang lengkok AB ialah 2 cm dan panjang lengkok CD ialah 7 cm. Seterusnya calon berjaya **menyelesaikan** kedua-dua persamaan secara serentak untuk mencari nilai r dan θ .

Contoh Jawapan Sederhana

$$\begin{array}{l}
 3(a) \quad s = r\theta \qquad \qquad \qquad 7 = (10+r)\theta_{rad} \quad \text{--- (1)} \\
 \qquad \qquad \qquad 2 = r\theta_{rad} \\
 \qquad \qquad \qquad \frac{2}{\theta_{rad}} = r \qquad \qquad \qquad \theta = \text{--- (2)} \\
 \qquad \qquad \qquad r = \frac{2}{\theta_{rad}} \quad \text{--- (3)} \qquad \qquad \qquad 7 = \left[10 + \left(\frac{2}{\theta_{rad}}\right)\right]\theta_{rad}
 \end{array}$$

Calon dapat membentuk 2 persamaan menggunakan rumus panjang lengkok berdasarkan maklumat diberi iaitu panjang lengkok AB ialah 2 cm dan panjang lengkok CD ialah 7 cm tetapi **tidak dapat menyelesaikan persamaan serentak**.

Soalan 3 (b)

- (b) the area, in cm^2 , of the shaded region.
luas, dalam cm^2 , kawasan yang berlorek.

Seterusnya dalam bahagian (b) calon perlu **menggunakan rumus luas** segi tiga dan **luas sektor** untuk mencari luas rantau berlorek.

Contoh Jawapan Cemerlang

$$\begin{array}{l}
 (b) \text{ Area of the shaded region:} \\
 = \left[\frac{1}{2} \times 14 \times 14 \times \sin\left(\frac{1}{2} \times \frac{4.80}{3.142}\right) \right] - \left[\frac{1}{2} \times 4^2 \times \frac{1}{2} \right] \\
 = \left[\frac{1}{2} \times 14 \times 14 \times \sin 28.644 \right] - \left[\frac{1}{2} \times 4^2 \times \frac{1}{2} \right] \\
 = 46.9779 - 4 \\
 = 42.9779 \text{ cm}^2
 \end{array}$$

Calon mampu **menggunakan rumus** $\text{Luas } \Delta = \frac{1}{2} ab \sin C$ dan **luas sektor** $A = \frac{1}{2} r^2 \theta$
 Seterusnya, mencari **luas kawasan berlorek**.

Contoh Jawapan Sederhana

$$\begin{aligned} \text{b) } & \frac{1}{2}r^2\theta - \sin \theta - \frac{1}{2}r^2\theta \\ & = \frac{1}{2}(4^2+10^2)(0.5) - \sin \left(0.5 \times \frac{180}{\pi}\right) - \frac{1}{2}(4^2)(0.5) \\ & = \frac{1}{2}(14^2)(0.5) - \sin 28.65^\circ - \frac{1}{2}(4^2)(0.5) \\ & = 48.521 \text{ cm}^2 - 4 \\ & = 44.521 \text{ cm}^2 \end{aligned}$$

Calon mampu mencari **luas sektor** dan **luas segi tiga**, tetapi tidak dapat menggunakannya bagi mencari **luas kawasan berlorek**.

Soalan 4

Diagram 2 shows part of a rectangular wall painted with red, R, blue, B and yellow, Y subsequently. The height of the wall is 2 m. The side length of the first coloured rectangle is 5 cm and the side length of each subsequent coloured rectangle increases by 3 cm.

Rajah 2 menunjukkan sebahagian daripada dinding berbentuk segi empat tepat yang dicat dengan warna merah, R, biru, B dan kuning, Y secara berselang seli. Tinggi dinding ialah 2 m. Panjang sisi segi empat tepat berwarna yang pertama ialah 5 cm dan panjang sisi bagi setiap segi empat tepat berwarna berikutnya bertambah sebanyak 3 cm.




Diagram 2
Rajah 2

It is given that the total number of the coloured rectangles is 54.

Diberi bahawa jumlah segi empat tepat berwarna ialah 54.

(a) Find

Cari

- the side length, in cm, of the last coloured rectangle,
panjang sisi, dalam cm, bagi segi empat tepat berwarna yang terakhir,
- the total length, in cm, of the painted wall.
jumlah panjang, dalam cm, dinding yang dicat.

(b) Which coloured rectangle has an area of 28 000 cm²?

Hence, state the colour of that particular rectangle.

Segi empat tepat berwarna yang ke berapa mempunyai keluasan 28 000 cm²?

Seterusnya, nyatakan warna bagi segi empat tepat berkenaan.

Soalan ini menguji konsep **janjang aritmetik**. Dalam bahagian (a), calon perlu **menggunakan panjang sisi** segi empat tepat sebagai sebutan-sebutan bagi janjang aritmetik. Dalam (a)(i), calon perlu **menggunakan rumus** $T_n = a + (n-1)d$ untuk mencari panjang sisi segi empat tepat yang ke-54. Manakala (a)(ii), calon perlu mencari jumlah panjang dinding yang dicat dengan menggunakan rumus $S_n = \frac{n}{2}[2a + (n-1)d]$.

Dalam bahagian (b), calon perlu **menggunakan luas** segi empat tepat untuk membentuk sebutan-sebutan dalam janjang aritmetik. Calon menggunakan rumus

sebutan ke- n untuk mencari nilai n . Seterusnya, **menyatakan warna** bagi segi empat tepat yang mempunyai luas $28\,000\text{ cm}^2$.

Contoh Jawapan Cemerlang

4. (a) (i)	$a = 5$
	$d = 3$
	$T_n = a + (n-1)d$
	$T_{54} = 5 + (54-1)3$
	$= 5 + (53)3$
	$= 5 + 159$
	$= 164\text{ cm}$
(ii)	$S_n = \frac{n}{2} [2a + (n-1)d]$
	$S_{54} = \frac{54}{2} [2(5) + (54-1)3]$
	$= 27 [10 + 159]$
	$= 27 [169]$
	$= 4563\text{ cm}$
(b)	$200n = 28000$ $n = \text{side length}$
	$n = 140\text{ cm}$
	$T_n = a + (n-1)d$
	$140 = 5 + (n-1)3$
	$140 = 5 + 3n - 3$
	$5 + 3n - 3 = 140$
	$3n = 140 - 5 + 3$
	$3n = 138$
	$n = 46$
	\therefore Rectangle number 46 would have an area of 28000 cm^2 .
	The colour of the rectangle would be red.

Calon dapat menggunakan rumus $T_n = a + (n-1)d$ untuk mencari **sebutan ke-54** bagi janjang aritmetik dan rumus $S_n = \frac{n}{2} [2a + (n-1)d]$ atau $S_n = \frac{n}{2} (a + l)$ untuk mencari **hasil tambah 54 sebutan yang pertama** bagi janjang aritmetik dengan betul. Dalam bahagian (b), calon berupaya **menentukan bilangan segi empat tepat** yang mempunyai keluasan 28000 cm^2 dan juga **menentukan warna** segi empat tepat.

Contoh Jawapan Sederhana 1

$$\begin{aligned} \text{a) i)} \quad 724 &= (5 + (53)3) \\ &= 164 \text{ cm} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{ii)} \quad S_{54} &= \frac{54}{2} [2(5) + 53(3)] \\ &= 4394 \text{ cm} \end{aligned}$$

Calon silap menghitung **jumlah panjang** dinding yang dicat walaupun mereka telah menggunakan rumus yang betul di bahagian (a) (ii).

Contoh Jawapan Sederhana 2

$$\begin{aligned} S_n &= 14000 \\ 14000 &= \frac{n}{2} [2(5) + (n-1)3] \\ 28000 &= n [10 + 3n - 3] \\ 28000 &= n [7 + 3n] \\ 28000 &= 7n + 3n^2 \end{aligned}$$

Calon tidak dapat **mengenal pasti panjang sisi** yang betul untuk bahagian (b). Calon mengira panjang yang salah kerana calon tidak menyedari bahawa unit yang diberi adalah berbeza untuk ketinggian dan panjang sisi.

Contoh Jawapan Sederhana 3

$$\begin{aligned} \text{b) } T_n &= 28000 & a \\ a &= 5 \times 2 & d = 16 - 10 \\ &= 10 & = 6 \\ T_n &= 28000 \\ a + (n-1)d &= 28000 \\ 10 + (n-1)6 &= 28000 \\ 10 + 6n - 6 &= 28000 \\ 6n + 4 &= 28000 \\ 6n &= 28000 - 4 \\ &= 27996 \\ n &= \frac{27996}{6} \\ &= 4666 \\ \therefore \text{But blue coloured of rectangle has an area} \\ &\text{of } 28000 \text{ cm}^2 \end{aligned}$$

Calon membuat kesilapan tidak membahagikan nilai 28,000 dengan 200 untuk mendapatkan nilai panjang sisi segi empat ke-n. Calon menggunakan 28,000 sebagai nilai sebutan ke-n dan memberi kesimpulan yang salah.

Soalan 5 (a)

Solution by scale drawing is not accepted.

Penyelesaian secara lukisan berskala tidak diterima.

Diagram 3 shows the locations of town A and town B drawn on a Cartesian plane.

Rajah 3 menunjukkan kedudukan bagi bandar A dan bandar B yang dilukis pada suatu satah Cartes.




Diagram 3
Rajah 3

PQ is a straight road such that the distance from town A and town B to any point on the road is always equal.

PQ ialah jalan raya lurus dengan keadaan jarak dari bandar A dan bandar B ke mana-mana titik pada jalan raya adalah sentiasa sama.

(a) Find the equation of PQ .

Cari persamaan bagi PQ .

Soalan ini adalah daripada tajuk Geometri Koordinat.

Bahagian (a) menguji konsep **lokus**. Calon perlu menggunakan **rumus jarak** yang memenuhi **syarat** jarak dari bandar A dan bandar B ke mana-mana titik pada jalan raya PQ adalah sentiasa sama.

Contoh Jawapan Cemerlang

(a)	$AP = PB$	$P(x, y)$
	$\sqrt{(x+4)^2 + (y+1)^2} = \sqrt{(x-2)^2 + (y-1)^2}$	
	$x^2 + 8x + 16 + y^2 + 2y + 1 = x^2 - 4x + 4 + y^2 - 2y + 1$	
	$x^2 + y^2 + 8x + 2y + 17 = x^2 + y^2 - 4x - 2y + 5$	
	$12x + 4y + 12 = 0$	
	$\div 4, 3x + y + 3 = 0$	
	Equation of PQ: $3x + y + 3 = 0$	
	$y = -3x - 3$	

Calon mampu mencari persamaan garis lurus PQ dengan menggunakan **konsep lokus**

$$\sqrt{[x - (-4)]^2 + [y - (-1)]^2} = \sqrt{(x - 2)^2 + (y - 1)^2}$$

Contoh Jawapan Sederhana

$m = \frac{-1 - 1}{-4 - 2}$	$y = mx + c$	
$= \frac{-2}{-6}$	$-1 = \frac{1}{3}(-4) + c$	$y = \frac{1}{3}x + \frac{1}{3}$
$= \frac{1}{3}$	$-1 = -\frac{4}{3} + c$	
	$\frac{1}{3} = c$	

Calon tidak menggunakan rumus jarak untuk mencari persamaan lokus.

Soalan 5(b)

(b) Another straight road, ST with an equation $y = 2x + 7$ is to be built.

Satu lagi jalan raya lurus, ST dengan persamaan $y = 2x + 7$ akan dibina.

(i) A traffic light is to be installed at the crossroads of the two roads.

Find the coordinates of the traffic light.

Lampu isyarat akan dipasang di persimpangan kedua-dua jalan raya itu.

Cari koordinat bagi lampu isyarat itu.

(ii) Which of the two roads passes through town $C\left(-\frac{4}{3}, 1\right)$?

Antara dua jalan raya itu, yang manakah melalui bandar $C\left(-\frac{4}{3}, 1\right)$?

Dalam (b)(i), calon perlu mencari koordinat lampu isyarat yang dipasang di persimpangan kedua-dua jalan raya menggunakan penyelesaian **persamaan serentak** dua persamaan linear yang melibatkan x dan y . Dalam (b)(ii), calon perlu menentukan jalan raya yang melalui bandar $C\left(-\frac{4}{3}, 1\right)$ dengan **menggantikan koordinat** itu ke dalam persamaan PQ dan ST sebelum membuat kesimpulan dengan tepat.

Contoh Jawapan Cemerlang

$$\begin{aligned} \text{b) } & \text{i) } y = -3x - 3 \text{ --- ①} \\ & y = 2x + 7 \text{ --- ②} \\ & \text{sub ① in ②} \\ & -3x - 3 = 2x + 7 \\ & -5x = 10 \\ & x = -2 \\ & \text{Sub in ②} \\ & y = 2(-2) + 7 \\ & = 3 \\ & \text{coordinates of the traffic light } (-2, 3) \\ \\ & \text{ii) Road PQ : } y = -3x - 3 \\ & C\left(-\frac{4}{3}, 1\right) \\ & 1 = -3\left(-\frac{4}{3}\right) - 3 \\ & 1 = 1 \\ & \text{Road ST : } y = 2x + 7 \\ & 1 = 2\left(-\frac{4}{3}\right) + 7 \\ & 1 \neq \frac{13}{3} \\ & \therefore \text{Road PQ passes through town C} \end{aligned}$$

Calon mampu menyelesaikan **persamaan serentak** $y = -3x - 3$ dan $y = 2x + 7$ bagi mencari koordinat lampu isyarat. Seterusnya calon mampu menentukan jalan raya yang melalui bandar C dengan **menggantikan koordinat** $C\left(-\frac{4}{3}, 1\right)$ ke dalam persamaan $y = -3x - 3$ dan $y = 2x + 7$ serta membuat kesimpulan.

Contoh Jawapan Sederhana

$$\begin{aligned} \text{b. i)} \quad & \text{PQ} = y = -3x - 3 \\ & \text{ST} = y = 2x + 7 \\ & -3x + 3 = 2x + 7 \\ & 5x = -4 \\ & x = -\frac{4}{5} \\ & y = \frac{37}{5} \\ & \left(-\frac{4}{5}, \frac{37}{5}\right) \\ \text{ii)} \quad & \text{Jalan raya PQ} \end{aligned}$$

Calon tahu menggunakan **penyelesaian persamaan serentak** bagi mencari koordinat lampu isyarat tetapi **cuai dalam penulisan persamaan**. Dalam (b)(ii), calon hanya menyatakan nama jalan raya tanpa menunjukkan sebarang bukti.

Soalan 6

Diagram 4 shows a cylindrical container with the length of 20 cm placed on the floor against the wall. Q is a point on the edge of the base of the container. It is given that the distance of point Q is 2 cm from the wall and 1 cm from the floor.

Rajah 4 menunjukkan sebuah bekas berbentuk silinder dengan panjang 20 cm yang diletak di atas lantai dan rapat pada dinding. Q ialah satu titik pada tepi tapak bekas itu. Diberi bahawa jarak titik Q adalah 2 cm dari dinding dan 1 cm dari lantai.




Diagram 4
Rajah 4

Mira wants to keep the container in a box with a dimension of $21 \text{ cm} \times 7 \text{ cm} \times 7 \text{ cm}$. Determine whether the container can be kept in that box or otherwise. Give a reason for your answer.

Mira ingin menyimpan bekas itu ke dalam sebuah kotak yang berukuran $21 \text{ cm} \times 7 \text{ cm} \times 7 \text{ cm}$.

Tentukan sama ada bekas itu boleh disimpan ke dalam kotak itu atau sebaliknya. Berikan sebab kepada jawapan anda.

Soalan ini merupakan **soalan KBAT**. Calon dikehendaki membentuk satu **persamaan kuadratik** dengan menggunakan **Teorem Pithagoras** untuk mencari **diameter** silinder. Seterusnya, menentukan sama ada silinder itu boleh disimpan ke dalam kotak itu.

Contoh Jawapan Cemerlang

$$\begin{aligned}(r-1)^2 + (r-2)^2 &= r^2 \\ r^2 + 1 - 2r + r^2 + 4 - 4r &= r^2 \\ r^2 - 6r + 5 &= 0 \\ (r-1)(r-5) &= 0 \quad | \\ r &= 1 \text{ km (rejected) or } r = 5 \text{ cm} \\ \therefore \text{Diameter} &= 5 \times 2 \\ &= 10 \text{ cm.}\end{aligned}$$

The length of ~~container~~ box is longer than the container, but the width is smaller than the diameter of the container.

Hence, the container cannot be kept in the box.

Calon dalam kumpulan pencapaian cemerlang dapat menggunakan **Teorem Pithagoras** untuk membentuk **persamaan kuadratik** dan menentukan jejari bekas. Seterusnya, mencari **diameter** silinder dan membuat kesimpulan dengan betul.


Contoh Jawapan Sederhana 1

$$\begin{aligned}\text{section A} \\ 6 \quad 21 \times 7 \times 7 &= 1029 \\ \text{Volume of the container} &= \frac{\sqrt{3}}{2} r^2 h \\ &= 20.79 r^2 \\ &= 62.83 r^2 \\ 1029 &= 62.83 r^2 \\ r &= 4.047 \\ \text{Boleh disimpan.}\end{aligned}$$

Calon tidak dapat mengaitkan situasi yang diberikan untuk membentuk persamaan kuadratik dengan menggunakan **Teorem Pithagoras**. Calon salah konsep bahawa isi padu kotak dan isi padu bekas silinder adalah sama.

Contoh Jawapan Sederhana 2

6)


$$OQ^2 = \sqrt{(r-2)^2 + (r-1)^2}$$
$$OQ^2 = (r-2)^2 + (r-1)^2$$
$$OQ^2 = (r-2)(r-2) + (r-1)(r-1)$$
$$OQ^2 = r^2 - 4r + 4 + r^2 - 2r + 1$$
$$OQ^2 = 2r^2 - 6r + 5$$
$$OQ = \sqrt{2r^2 - 6r + 5}$$

Calon tidak dapat membentuk persamaan kuadratik dengan menggunakan Teorem Pithagoras.

Contoh Jawapan Sederhana 3

$$\begin{aligned} \text{volume of box} &= 21 \times 7 \times 7 \\ &= 1029 \end{aligned}$$
$$\begin{aligned} \text{volume of container} &= \pi r^2 h \\ &= \frac{20}{7} \times 7^2 \times 20 \\ &= 251.4286 \end{aligned}$$

\therefore , the container can be kept in that box because the volume of container is smaller than volume of box.

Calon membuat kesilapan dengan membandingkan isi padu bekas silinder dan isi padu kotak tetapi bukan diameter bekas.

Soalan 7 (a)

- (a) The mass of honeydews produced in a plantation is normally distributed with a mean of 0.8 kg and a standard deviation of 0.25 kg. The honeydews are being classified into three grades A, B and C according to their masses:

Grade A > Grade B > Grade C

Jisim bagi buah tembikai susu yang dihasilkan di sebuah ladang bertaburan secara normal dengan min 0.8 kg dan sisihan piawai 0.25 kg. Buah tembikai susu itu dikelaskan kepada tiga gred A, B dan C mengikut jisimnya:

Gred A > Gred B > Gred C

- (i) The minimum mass of a grade A honeydew is 1.2 kg.

If a honeydew is picked at random from the plantation, find the probability that the honeydew is of grade A.

Jisim minimum bagi sebiji tembikai susu gred A ialah 1.2 kg.

Jika sebiji tembikai susu diambil secara rawak dari ladang itu, cari kebarangkalian bahawa buah tembikai susu itu adalah gred A.

- (ii) Find the minimum mass, in kg, of grade B honeydew if 20% of the honeydews are of grade C.

Cari jisim minimum, dalam kg, buah tembikai susu gred B jika 20% daripada buah-buah tembikai susu itu adalah gred C.

Soalan ini daripada tajuk Taburan Kebarangkalian yang menguji konsep Taburan Normal. Calon dikehendaki menukarkan jisim tembikai susu kepada **skor-z** dengan

menggunakan rumus $z = \frac{x - \mu}{\sigma}$ iaitu, $z = \frac{1.2 - 0.8}{0.25} = 1.6$ dan menggunakan Jadual

Taburan Normal Piawai $N(0, 1)$ untuk mencari kebarangkalian $P(Z > 1.6)$. Bagi 7(a)(ii), calon sedar bahawa 20% tembikai susu setara dengan kebarangkalian 0.2, digunakan untuk **memperoleh skor-z**, iaitu, $z = -0.842$. Seterusnya, menentukan jisim

minimum bagi tembikai susu dengan menggunakan hubungan $\frac{X - 0.8}{0.25} = -0.842$.

Contoh Jawapan Cemerlang

$$\begin{aligned} \text{a) } P(X \geq 1.2) &= P\left(Z \geq \frac{1.2 - 0.8}{0.25}\right) \\ &= P(Z \geq 1.6) \\ &= 0.0548 \\ \\ \text{ii) } P(Z < k) &= 0.2 \\ P(Z < -0.842) &= 0.2 \\ k &= -0.842 \\ -0.842 &= \frac{X - 0.8}{0.25} \\ X &= 0.59 \end{aligned}$$

Calon dapat menukarkan jisim tembikai susu kepada **skor-z** dengan menggunakan rumus $z = \frac{x - \mu}{\sigma}$ iaitu, $z = \frac{1.2 - 0.8}{0.25} = 1.6$ dan menggunakan Jadual **Taburan Normal**

Piawai $N(0, 1)$ untuk mencari kebarangkalian $P(Z > 1.6)$. Bagi 7(a)(ii), calon tahu bahawa 20% tembikai susu setara dengan kebarangkalian 0.2, digunakan untuk **memperoleh skor-z**, iaitu, $z = -0.842$. Seterusnya, menentukan jisim minimum bagi tembikai susu dengan menggunakan hubungan $\frac{X - 0.8}{0.25} = -0.842$.

Contoh Jawapan Sederhana

$$\begin{aligned} \text{a) } \mu &= 0.8 \quad \sigma = 0.25 \\ &\text{Gred A} > \text{Gred B} > \text{Gred C} \\ \\ \text{ci) } P(X \leq 1.2) &= P\left(Z \leq \frac{1.2 - 0.8}{0.25}\right) \\ &= P(Z \leq 1.6) \\ &= 1 - P(Z > 1.6) \\ &= 1 - 0.0548 \\ &= 0.9452 \\ \\ \text{cii) } P(Z \geq k) &= 0.2 \\ P(Z \geq 0.842) &= 0.2 \\ k &= 0.842 \\ 0.842 &= \frac{X - 0.8}{0.25} \\ X &= 1.01 \end{aligned}$$

Calon salah faham berkaitan dengan **erti jisim minimum**. Dalam a(i), calon mencari kebarangkalian bagi $P(X \leq 1.2)$ sepatutnya $P(X \geq 1.2)$. Dalam a(ii), calon menggunakan $P(z \leq k) = 0.2$, sepatutnya $P(z \geq k) = 0.2$ yang menyebabkan nilai z yang diperoleh adalah nilai positif di mana **sepatutnya nilai negatif**.

Soalan 7 (b)

- (b) At the Shoot the Duck game booth at an amusement park, the probability of winning is 25%. Jason bought tickets to play n games. The probability for Jason to win once is 10 times the probability of losing all games.

Dalam permainan Menembak Itik di taman hiburan, kebarangkalian untuk menang ialah 25%. Jason telah membeli tiket untuk bermain permainan itu sebanyak n kali. Kebarangkalian untuk Jason menang sekali dalam permainan itu adalah 10 kali kebarangkalian kalah dalam semua permainan.

- (i) Find the value of n .

Cari nilai n .

- (ii) Calculate the standard deviation of the number of wins.

Hitung sisihan piawai bagi bilangan kemenangan.

Soalan ini daripada tajuk Taburan Kebarangkalian yang menguji konsep **Taburan Binomial**. Calon perlu mentafsir maksud kebarangkalian Jason menang sekali dalam permainan itu adalah 10 kali kebarangkalian kalah dalam semua permainan iaitu $P(X = 1) = 10P(X = 0)$. Calon perlu menggunakan rumus Kebarangkalian Taburan

Binomial $P(X = r) = {}^n C_r p^r q^{n-r}$, $p + q = 1$ untuk mendapat nilai n dengan menyelesaikan persamaan ${}^n C_1 (0.25)^1 (0.75)^{n-1} = 10({}^n C_0 (0.25)^0 (0.75)^n)$

Bagi 7(b) calon perlu menggunakan rumus $\sigma = \sqrt{npq}$ untuk menentukan sisihan piawai.

Contoh Jawapan Cemerlang

$$\begin{aligned}
 \text{i)} \quad & P(X=1) = 10 P(X=0) \\
 & {}^n C_1 \left(\frac{3}{4}\right)^1 \left(\frac{3}{4}\right)^{n-1} = 10 {}^n C_0 \left(\frac{1}{4}\right)^0 \left(\frac{3}{4}\right)^n \\
 & \frac{n}{4} \left(\frac{3}{4}\right)^n = 10 \left(\frac{3}{4}\right)^n \\
 & \frac{n}{4} = 10 \\
 & n = 30 \\
 \\
 \text{ii)} \quad & n = 30, p = 0.25, q = 0.75 \\
 & \sigma = \sqrt{npq} \\
 & = \sqrt{30(0.25)(0.75)} \\
 & = 2.37
 \end{aligned}$$

Calon dapat **mentafsir** maksud hubungan kebarangkalian Jason menang sekali dalam permainan itu adalah 10 kali kebarangkalian kalah dalam semua permainan, iaitu, $P(X=1) = 10P(X=0)$. Calon dapat menggunakan rumus Kebarangkalian **Taburan**

Binomial $P(X=r) = {}^n C_r p^r q^{n-r}$, $p+q=1$ untuk mendapat nilai n dengan menyelesaikan persamaan ${}^n C_1 (0.25)^1 (0.75)^{n-1} = 10 ({}^n C_0 (0.25)^0 (0.75)^n)$

Dalam (b)(ii), calon tahu menggunakan rumus $\sigma = \sqrt{npq}$ untuk menentukan sisihan piawai.

Contoh Jawapan Sederhana 1

$$\begin{aligned}
 \text{b(i)} \quad & \frac{25}{100} n = 10 \left(\frac{75}{100} \right)^n \\
 & \frac{1}{4} n = 7.5 \\
 & n = 30
 \end{aligned}$$

Calon tidak menunjukkan **langkah-langkah penyelesaian yang penting** semasa menggunakan rumus $P(X=r) = {}^n C_r p^r q^{n-r}$.

Contoh Jawapan Sederhana 2

$$\begin{aligned} \text{bi)} \quad p &= 0.25 \quad q = 0.75 \\ {}^n C_1 (0.25)^1 (0.75)^{n-1} &= 10 \left[{}^{10} C_0 (0.25)^0 (0.75)^{10} \right] \\ {}^n C_1 (0.25)^1 (0.75)^{n-1} &= 0.5631 \\ n (0.25) (0.75)^{n-1} &= 0.5631 \\ \cancel{0.25} [n-1 \log 0.75] &= \log 0.5631 \\ 0.25 n (0.75)^{n-1} &= 0.5631 \\ 0.75^{n-1} &= (0.2524)^{-n} \\ n-1 \log 0.75 &= -n \log 2.2524 \\ \frac{n-1}{-n} &= -2.223 \\ n &= 11 \end{aligned}$$

Calon **mentafsirkan** maksud kebarangkalian untuk Jason menang sekali dalam permainan itu adalah 10 kali kebarangkalian kalah dalam semua permainan dengan hubungan yang salah iaitu $P(X=1) = 10[P(X=10)]$.

Soalan 8 (a)

Diagram 5 shows a triangle PQR . The straight line PT intersects with the straight line QR at point S . Point V lies on the straight line PT .

Rajah 5 menunjukkan segi tiga PQR . Garis lurus PT bersilang dengan garis lurus QR di titik S . Titik V terletak pada garis lurus PT .




Diagram 5
Rajah 5

It is given that $\overrightarrow{QS} = \frac{1}{3}\overrightarrow{QR}$, $\overrightarrow{PR} = 6\underline{x}$ and $\overrightarrow{PQ} = 9\underline{y}$.

Diberi bahawa $\overrightarrow{QS} = \frac{1}{3}\overrightarrow{QR}$, $\overrightarrow{PR} = 6\underline{x}$ dan $\overrightarrow{PQ} = 9\underline{y}$.

(a) Express in terms of \underline{x} and / or \underline{y} :

Ungkapkan dalam sebutan \underline{x} dan / atau \underline{y} :

- (i) \overrightarrow{QR} ,
- (ii) \overrightarrow{PS} .

Calon dikehendaki menggunakan **Hukum Segi Tiga** vektor untuk mencari nilai \overrightarrow{QR} dan \overrightarrow{PS}

Contoh Jawapan Cemerlang

$$\begin{aligned} \text{(a) (i) } \vec{QR} &= \vec{QP} + \vec{PR} \\ &= -9y + 6x \\ &= 6x - 9y \\ \\ \text{(ii) } \vec{PS} &= \vec{PQ} + \vec{QS} \\ &= \vec{PQ} + \frac{1}{3}\vec{QR} \\ &= 9y + \frac{1}{3}(6x - 9y) \\ &= 9y + 2x - 3y \\ &= 2x + 6y \end{aligned}$$

Calon dapat mencari \vec{QR} dan \vec{PS} dengan menggunakan **Hukum segi tiga** vektor iaitu $\vec{QR} = \vec{QP} + \vec{PR}$ dan $\vec{PS} = \vec{PQ} + \vec{QS}$.

Contoh Jawapan Sederhana 1

$$\begin{aligned} \text{(a) (i) } \vec{QR} \\ \vec{QR} &= \vec{PQ} + \vec{PR} \\ \vec{QR} &= 9y + 6x \end{aligned}$$

Calon membuat kesilapan dengan menggunakan **Hukum Segi Tiga** vektor yang salah untuk mencari vektor \vec{QR} .

Contoh Jawapan Sederhana 2

$$\begin{aligned} \text{(ii) } \vec{PS} &= \vec{PR} + \vec{RS} \\ &= 6x + \left(\frac{2}{3}\vec{QR}\right) \\ &= 6x + \frac{2}{3}(-9y + 6x) \\ &= 6x - 6y + 4x \\ &= 10x - 6y \end{aligned}$$

Calon membuat kesilapan pada arah vektor.

Soalan 8 (b)

(b) It is given that $\overrightarrow{PV} = m\overrightarrow{PS}$ and $\overrightarrow{QV} = n(\underline{x} - 9\underline{y})$, where m and n are constants.

Find the value of m and of n .

Diberi bahawa $\overrightarrow{PV} = m\overrightarrow{PS}$ dan $\overrightarrow{QV} = n(\underline{x} - 9\underline{y})$, dengan keadaan m dan n ialah pemalar.

Cari nilai m dan nilai n .

Calon perlu **membentuk persamaan vektor** dengan Hukum segi tiga vektor yang mengaitkan segitiga PQV dan mencari nilai m dan nilai n melalui **perbandingan** pekali \underline{x} dan \underline{y} .

Contoh Jawapan Cemerlang

$$\begin{aligned} \text{(b) } \overrightarrow{PV} &= m\overrightarrow{PS} & \overrightarrow{QV} &= n(\underline{x} - 9\underline{y}) \\ &= m(2\underline{x} + 6\underline{y}) & &= n\underline{x} + 9n\underline{y} \\ &= 2m\underline{x} + 6m\underline{y} & & \\ \text{Triangle Law: } \overrightarrow{PV} &= \overrightarrow{PQ} + \overrightarrow{QV} & & \\ 2m\underline{x} + 6m\underline{y} &= 9\underline{y} + n\underline{x} - 9n\underline{y} & & \\ 2m\underline{x} + 6m\underline{y} &= n\underline{x} + (9 - 9n)\underline{y} & & \\ 2m &= n \quad \text{--- (1)} & 6m &= 9 - 9n \\ & & 2m &= 3 - 3n \quad \text{--- (2)} \\ n &= 3 - 3n & & \\ 4n &= 3 & & \\ n &= \frac{3}{4} & & \\ \therefore m &= \frac{3}{4} & & \\ &= \frac{3}{4} & & \end{aligned}$$

Calon berjaya **membentuk satu persamaan vektor** iaitu $\overrightarrow{PQ} = \overrightarrow{PV} + \overrightarrow{VQ}$ dan membandingkan pekali \underline{x} dan \underline{y} . Seterusnya, calon berupaya **menyelesaikan persamaan serentak** yang diperoleh dengan betul.

Contoh Jawapan Sederhana 1

$$\begin{aligned}
 \text{b) } \vec{PV} &= m\vec{PS} & \vec{QV} &= h(x-9y) \\
 &= m(2x+6y) & \vec{QV} &= \vec{QV} + \vec{PV} \\
 & & \vec{PV} &= \vec{QV} - \vec{QP} \\
 & & \vec{PV} &= n(x-9y) \\
 \\
 m(2x+6y) &= n(x-9y) \\
 2mx+6my &= nx-9ny \\
 6my-9ny &= nx-2mx \\
 (6m-9n)y &= (n-2m)x
 \end{aligned}$$

Calon tidak dapat menggunakan **hukum segi tiga** vektor untuk mencari penambahan 2 vektor dalam segi tiga PQV.

Contoh Jawapan Sederhana 2

$$\begin{aligned}
 \text{b) } \vec{PV} &= m\vec{PS} \\
 \vec{QV} &= n(x-9y) \\
 \\
 \vec{PV} &= m(6y+2x) \\
 \\
 n(x-9y) &= m(6y+2x) \\
 \frac{n}{m} &= \frac{6y+2x}{x-9y} \\
 \\
 n &= 6y+2x \\
 m &= x-9y
 \end{aligned}$$

Calon tidak menggunakan **hukum segi tiga** untuk mengaitkan vektor \vec{PV} dan vektor \vec{QV} . Lagipun, calon cenderung menggunakan pembahagian vektor yang sebenarnya merupakan **kesilapan konsep**.

Contoh Jawapan Sederhana 3

$$\begin{aligned}
 \text{b) } \vec{PV} &= m(2x + 6y) \\
 \vec{QV} &= \vec{QP} + \vec{PV} \\
 n(x - 9y) &= -9y + m(2x + 6y) \\
 -9n &= -9 & 9 &= 6m & 2m &= 1 \\
 n &= 1 \quad \text{NO} & m &= \frac{9}{6} & m &= \frac{1}{2} \\
 & & m &= \frac{3}{2} & &
 \end{aligned}$$

Calon membuat kesilapan semasa menyamakan pekali x dan pekali y.

Soalan 8 (c)

(c) Given $\vec{PT} = hx + 9y$, where h is a constant, find the value of h .

Diberi $\vec{PT} = hx + 9y$, dengan keadaan h ialah pemalar, cari nilai h .

Calon perlu menggunakan konsep segaris untuk mencari nilai h .

Contoh Jawapan Cemerlang

$$\begin{aligned}
 \text{(c) } P, S, T \text{ are collinear:} \\
 \vec{PT} &= \lambda \vec{PS} \\
 hx + 9y &= \lambda(2x + 6y) \\
 hx + 9y &= 2\lambda x + 6\lambda y \\
 h &= 2\lambda \quad (1) & 9 &= 6\lambda \\
 & & \lambda &= \frac{3}{2} \\
 \therefore h &= 2\left(\frac{3}{2}\right) \\
 &= \underline{\underline{3}}
 \end{aligned}$$

Calon mampu menggunakan konsep segaris iaitu $\vec{PT} = \lambda \vec{PS}$ untuk membentuk satu persamaan vektor dan seterusnya mendapatkan nilai h .

Contoh Jawapan Sederhana

$$\begin{aligned}\vec{PT} &= hx + 9y \\ \vec{PQ} + \vec{QT} &= hx + 9y \\ -9y + \vec{QT} &= hx \\ \vec{QT} &= hx \\ 2x &= hx \\ h &= 2\end{aligned}$$

Calon tidak berupaya dalam membentuk persamaan vektor dengan **mengaplikasikan konsep segaris**.

Soalan 9

Use the graph paper provided on page 21 to answer this question. Detach the graph paper and tie it together with your answer booklet.

Gunakan kertas graf yang disediakan pada halaman 21 untuk menjawab soalan ini. Ceraikan kertas graf itu dan ikat bersama-sama buku jawapan anda.

Table 1 shows the values of two variables, x and y , obtained from an experiment.

The variables x and y are related by the equation $y - \sqrt{h} = \frac{hk}{x}$, where h and k are constants.

Jadual 1 menunjukkan nilai-nilai bagi dua pembolehubah, x dan y , yang diperolehi daripada suatu eksperimen. Pembolehubah x dan y dihubungkan oleh persamaan

$y - \sqrt{h} = \frac{hk}{x}$, dengan keadaan h dan k ialah pemalar.

x	1.5	2.0	3.5	4.5	5.0	6.0
y	4.5	5.25	5.5	6.3	6.34	6.5

Table 1
Jadual 1

- (a) Plot xy against x , using a scale of 2 cm to 1 unit on the x -axis and 2 cm to 5 units on the xy -axis.

Hence, draw the line of best fit.

Plot xy melawan x , menggunakan skala 2 cm kepada 1 unit pada paksi- x dan 2 cm kepada 5 unit pada paksi- xy .

Seterusnya, lukis garis lurus penyuaian terbaik.

- (b) Using the graph in 9(a), find

Menggunakan graf di 9(a), cari

- (i) the value of h and of k ,

nilai h dan nilai k ,

- (ii) the correct value of y if one of the values of y has been wrongly recorded during the experiment.

nilai y yang betul jika satu daripada nilai-nilai y telah tersalah catat semasa eksperimen.


Soalan ini daripada tajuk Hukum Linear Tingkatan 5. Dalam bahagian (a) calon perlu **membina jadual** bagi nilai-nilai xy dan memplot xy melawan x , seterusnya melukis **garis lurus penyuaian terbaik**. Dalam b(i), calon perlu menukar hubungan tak linear,

